

1981

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI MENYERU SUPAYA DIBUAT PENYESUAIAN STRUKTUR JANGKA PANJANG BAGI EKONOMI MALAYSIA UNTUK MENYEKAT DARI DIPENGARUHI OLEH ALIRAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG TIDAK BERFAEDAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA INFLASI TINGGI YANG BERTERUSAN DAN PERKEMBANGAN LEMBAB EKONOMI ANTARABANGSA TELAH MENYEKAT PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA, TERUTAMA IMPORT.

+MANAKALA KERAJAAN AKAN TERUS MELAKSANAKAN EKONOMI SECARA BESAR-BESARAN DAN DASAR MENSTABILKAN EKONOMI, SEMUA INI HANYA MERUPAKAN LANGKAH JANGKA PENDEK+, KATA BELIAU.

+APA YANG DIPERLUKAN ILAH MEMBUAT PENYESUAIAN STRUKTUR EKONOMI SECARA JANGKA PANJANG YANG BOLEH MEMISAHKANNYA DARI ALIRAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG TIDAK BERFAEDAH+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR DUA HARI MENGENAI +PELUANG PERNIAGAAN DI MALAYSIA 1981-85+ ANJURAN AMANAH CHASE MERCHANT BANK BERHAD DI SINI.

MENURUT BELIAU, KERAJAAN SEDANG MENJALANKAN KAJIAN TERPERINCI UNTUK TERUS MEMAJUKAN SEKTOR PERINDUSTRIAN YANG TELAH MENCUL SEBAGAI +JENTERA PERKEMBANGAN+ EKONOMI MALAYSIA DALAM DEKAD YANG LALU. —BERSAMBUNG 172+/MD

B600

MAHATHIR - SEMINAR 2 KUALA LUMPUR

TUJUAN UTAMA KAJIAN ITU TALAH UNTUK MENGENALPASTI DENGAN LEBIH TEPAT BAHAGIAN DAN INDUSTRI YANG BERPOTENSI UNTUK DIMAJUKAN TERUS SERTA MENILAI DAN MENELITI DASAR DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN BAGI MENGUKUHKAN SEKTOR PERINDUSTRIAN.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENINGATKAN MANAKALA KERAJAAN BOLEH MELAKSANAKAN DASAR-DASAR YANG SESUAI, SEKTOR SWASTA SENDIRI MEMPUYAI PERANAN BESAR UNTUK MENGADAKAN PERUBAHAN YANG DIPERLUKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYUSUNAN SEMULA DAN PERKEMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN MENGEHENDAKI SEKTOR SWASTA MENGGUNAKAN PELUANG-PELUANG YANG AKAN WUJUD DALAM TEMPOK RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

KECEKAPAN DAN KREATIVITI SEKTOR SWASTA DIPERLUKAN BAGI MENGEKSPLOITASI SUMBER-SUMBER BARU DALAM PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DI SAMPING MEMODEN DAN MENYATUKAN OPERASI YANG ADA.

BELIAU BERKATAMALAYSIA BERTUAH KERANA KAYA DENGAN SUMBER-SUMBER ASLI SEPERTI GETAH, MINYAK SAWIT, PETROLIUM DAN BIJIN TIMAH YANG BOLEH DIGUNAKAN BAGI FAEDAH PERDAGANGAN ANTARABANGSA SERTI PENGELUARAN UNTUK PASARAN DALAM NEGERI.

SEKTOR SWASTA PERLU MENGGUNAKANNYA UNTUK MEMROSES SUMBER-SUMBER ITU MENJAD BARANGAN SIAP. —BERSAMBUNG 1747/MO

BELIAU MEMBERI CONTOH INDUSTRI GETAH YANG HANYA MEMROSES DUA PERATUS GETAH ASLI NEGARA INI DAN MENGEKSPORT SELEBIHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERKEMBANGAN INDUSTRI BERASASKAN SUMBER MEMPUYAI FAEDAH LAIN YANG MENYUMBANG TERHADAP PENCAPAIAN OBJEKTIF NEGARA SEPERTI MEMBANGUNKAN KAWASAN KURANG MAJU DAN MENAMBAH TUKARAN WANG ASING MENERUSI EKSPORT BARANG KILANGAN.

BELIAU JUGA BERKATA USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH PERLU DIBUAT BAGI TERUS MEMAJUKAN PROSES PERINDUSTRIAN DENGAN MENUKAR DARI PENGELUARAN KECIL KEPADA PENGELUARAN BARANGAN YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TINGGI.

LANGKAH ITU MEMERLUKAN KAJIAN DAN PEMBANGUNAN, PENUKARAN PENGETAHUAN TEKNIKAL DAN PEMASARAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA DAN PENINGKATAN KEPAKARAN DAN KUALITI TENAGA PEKERJA TEMPATAN.

BERHUBUNG DENGAN FAKTOR TERAKHIR ITU, SEKTOR SWASTA PERLU MELABUR DALAM BIDANG LATIHAN DAN PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN PEKERJA.

INI AKAN MEMBERI FAEDAH JANGKA PANJANG MENERUSI PEMINGKATAN KEPAKARAN, TABIAT BEKERJA DAN DISIPLIN DI KALANGAN TENAGA PEKERJA NEGARA INI, TAMBAH BELIAU. —BERNAMA 1805/MD